



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 28 MAC 2022**

| <b>BIL</b> | <b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>   | <b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>             |
|------------|---|---|
| 1.         | MELAKA, JOHOR TANAM BENIH PADI 'TAHAN' BANJIR, NASIONAL, HARAKAH -H13                             | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2.         | 1.85 JUTA BENIH IKAN DILEPASKAN KE PERAIRAN UMUM NEGARA HARI INI, UTUSAN BORNEO -ONLINE           | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)                  |
| 3.         | PROJEK TERNAK IKAN AIR PAYAU TERJEJAS BANJIR DISAMBUNG, NASIONAL, BH -25                          |   |
| 4.         | FIGHTING FISH HOBBY TURNS INTO A SIDE BUSINESS FOR WELDER, NATION, THE STAR -14                   |   |
| 5.         | JELAJAH AKM PERLIS: PJKM 'LAKU' 2.2 TAN MINYAK MASAK PEKET TERJUAL, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)    |
| 6.         | PASAR TANI FAMA TETAP JADI PILIHAN RAMAI BELI BARANG KEPERLUAN, NEGERI SEMBILAN, SH -33           |   |
| 7.         | 2.2 TAN MINYAK MASAK PEKET TERJUAL DALAM DUA HARI, NEGERI PERLIS, SH -31                          |   |
| 8.         | LEBIH 2.2 TAN MINYAK MASAK PEKET DIJUAL DALAM 2 HARI, NASIONAL, BH -6                             |   |
| 9.         | KARNIVAL USAHAWAN DESA SKALA BESAR BERLANGSUNG JUN, NEGERI PAHANG, SH -30                         |   |
| 10.        | LEBIH 130 JALAN PERTANIAN MADA BOLEH DISELENGGARA MARRIS, FOKUS, HARAKAH -17                      | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN MUDA (MADA)           |
| 11.        | ZON KEKAL PENGELUARAN AYAM JAMIN BEKALAN TAK TERJEJAS, NASIONAL, BH -5                            | LAIN-LAIN   |
| 12.        | PROJEK TEBATAN BANJIR BANTU KRISIS AIR SELANGOR, NEGERI SELANGOR, SH -29                          |   |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## Melaka, Johor tanam benih padi 'tahan' banjir

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan mula menanam varieti padi IS21 yang mampu bertahan risiko tenggelam banjir di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Melaka dan Johor sebagai langkah awal sebelum pelaksanaan menyeluruh ke seluruh negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, varieti MR315 keluaran Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) juga kini di peringkat pelaksanaan percubaan.

"Kita menjangkakan, jika kejayaan ini dicapai dengan baik, kita akan laksanakan dengan cara lebih menyeluruh, iaitu fokus kepada kawasan yang terdedah risiko tenggelam air banjir negara kita, kita cuba kenal pasti sebaik mungkin.

"Varieti baharu IS21 ini dijangka bertahan lebih tiga hari, kalau kita tanam padi, terendam air, dia boleh bertahan selama tiga hari, begitu juga varieti MR315 yang dikeluarkan MARDI," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Senator Norafni Idris berhubung tindakan kerajaan dalam berdepan kesan negatif ke-



**Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh**

pada hasil pertanian akibat banjir, di Dewan Negara.

Menurut Dr Nik Zawawi, sebagai langkah mengelak ancaman banjir, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) membina dan menaiktaraf infrastruktur tebatan banjir di kawasan pertanian.

Katanya, pada tahun lalu, dua projek disiapkan di LBC Parit Utama Kayan, IADA Seberang Perak, serta di Skim Samarahan Sarawak.

"Seterusnya, MAFI membina pintu-pintu kawalan air bagi menyelesaikan masalah air banjir semasa musim tengkujuh selain berfungsi sebagai infrastruktur pengairan," katanya.

| TARIKH    | MEDIA         | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|---------|------------|
| 28/3/2022 | UTUSAN BORNEO | ONLINE  |            |

## 1.85 juta benih ikan dilepaskan ke perairan umum negara hari ini



PUTRAJAYA: Sebanyak 1.85 juta benih ikan bernilai lebih RM900,000 dilepaskan ke perairan-perairan umum Malaysia hari ini bagi menambah stok perikanan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee yang menyertai program pelepasan benih ikan itu di Tasik Putrajaya, Presint 2 di sini hari ini berkata pertambahan stok ikan di perairan umum adalah antara usaha untuk meningkatkan

jaminan bekalan makanan.

"Pelepasan benih ikan adalah langkah memastikan stok ikan darat sentiasa ada," katanya kepada pemberita selepas melepaskan kira-kira 100,000 benih ikan seperti kelah, temoleh, siakap dan lampam sungai ke tasik berkenaan.

Berdasarkan rekod Jabatan Perikanan (DOF), sebanyak 44.7 juta benih ikan bernilai lebih RM50 juta telah dilepaskan ke perairan umum Semenanjung Malaysia dan Sarawak dari 2016 hingga 2021.

Ronald berkata usaha pelepasan ikan di Tasik Putrajaya umpamanya adalah juga usaha untuk melestarikan alam sekitar serta pemuliharaan sumber dan biodiversiti perikanan darat.

Pada program berkenaan, penyanyi tersohor Datuk Jamal Abdillah yang mengusahakan ladang ternakan ikan arowana di Perak dilantik sebagai Ikon Konservasi Sumber Perikanan dan beliau akan terlibat dalam usaha mempromosikan aktiviti perikanan terutamanya dalam industri ikan hiasan dan produk hiliran.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Taman Laut dan Pengurusan Sumber DOF Bohari Leng berkata orang awam yang memiliki spesies ikan asing sebagai ikan peliharaan diingatkan agar tidak melepaskan ikan tersebut ke perairan umum kerana dikhuatiri ikan asli akan menjadi mangsa kepada ikan asing yang bersifat agresif.

"Ikan asing boleh jadi dominan dalam ekosistem perikanan sebab ia cepat membiak dan membesar serta mengancam sumber ikan asli. Jika ternak dalam kolam sahaja tidak ada masalah," katanya sambil memberikan contoh ikan asing adalah seperti jenis peacock bass, ikan baung merah dan ikan keli Afrika. - Bernama

## Projek ternak ikan air payau terjejas banjir disambung

**Masjid Tanah:** Projek meningkatkan ekonomi nelayan sungai melalui penternakan ikan air payau di Kuala Linggi, dekat sini disambung semula semalam selepas tergendala akibat banjir pada Disember lalu.

Sebanyak 76,800 anak ikan tilapia merah dilepaskan 16 nelayan ke dalam 64 sangkar yang dibina melalui peruntukan RM400,000 Jabatan Perikanan.

Ketua nelayan, Azmi Mohd Nordin, 57, berkata projek berkenaan dilancarkan pada 15 Disember lalu dengan pelepasan 70,000 anak ikan tilapia merah, tetapi banjir besar tiga hari kemudian menyebabkan sebahagian besar anak ikan terlepas dari sangkar dan tidak kurang juga yang mati akibat kadar kemasinan air meningkat.

"Bagaimanapun, projek itu disambung semula selepas Jabatan Perikanan mendapatkan peruntukan baharu untuk anak ikan tilapia merah.

"Ikan tilapia merah sesuai hidup dalam air payau dan rasanya lebih lazat berbanding tilapia air tawar.

"Anak ikan tilapia merah memerlukan antara tiga hingga empat bulan untuk matang sebelum mencapai berat antara 500 hingga 600 gram seekor dan dipasarkan pada harga antara RM10

hingga RM12 sekilogram," katanya ketika ditemui.

Azmi berkata, mereka tidak akan mempersiakan pelaburan hampir setengah juta ringgit oleh Jabatan Perikanan, sebaliknya membuktikan projek itu bukan setakat berbaloi, malah mampu meningkatkan sosio ekonomi nelayan.

"Jabatan Perikanan memperuntukkan lebih RM400,000 untuk membina 64 sangkar ikan di lokasi pertembungan antara air masin laut dengan air tawar Kuala Linggi," katanya.

Peserta projek, Mohammad Abdul Rahman, 38, amat teruja apabila projek berkenaan disambung semula kerana ia mampu meningkatkan pendapatannya.

"Sebagai nelayan sungai, rezeki kami tidak menentu, kadangkala ada ikan, kadangkala kami pulang dengan tangan kosong. Dengan adanya projek ini, dapatlah kami menikmati pendapatan sampingan," katanya.

Abdul Halim Othman, 37, berkata walaupun diuji dengan banjir besar, peserta tidak berputus asa, sebaliknya menguatkan semangat untuk meneruskan projek dan yakin hasil usaha berterusan, penternakan ikan air payau itu mampu memberikan pulangan lumayan antara tiga hingga empat bulan lagi.



Peserta projek melepaskan anak ikan tilapia merah ke dalam sangkar di perairan Kuala Linggi, dekat Masjid Tanah.

## Fighting fish hobby turns into a side business for welder

**KANGAR:** A welder who started off with collecting four wild fighting fish (*Betta Imbellis*) as a hobby has turned the passion into a source of additional income for the past six years.

Azhar Basri was among the 105 small and medium enterprise (SME) entrepreneurs who sold their products at the SME tent in conjunction with the Perlis 'Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia' or the Malaysian Family Aspirations (AKM) Tour programme at Tuanku Syed Putra Sports Complex.

Speaking to Bernama, Azhar said he turned the ground floor of his house in Seriab into a breeding space and registered his business under the name of 'Betta Bawah Rumah'.

"Alhamdulillah, the sales at the AKM have been very encouraging as I managed to sell 30 to 40 fighting fish in a day since the stall was opened on Friday," he said.

The father of one said he only sells medium-grade fighting fish at the SME tent because most of the visitors are not betta fish enthusiasts.

"At the AKM, I sell fighting fish for only RM5 each, while those interested in buying high-quality fish will usually come to my house to choose," he said.

According to Azhar, 32, each fish is unique and the price depends on the combination of colour, gender, body shape and fins.

He said among the fish he sold were Betta Galaxy Multicolor, Betta Halfmoon Plakat, Betta Smaragdina Cooper and Betta Super Red.

He added that two years ago, he managed to sell Betta Alien fish at RM700 each.



28 MAR, 2022

## Jelajah AKM Perlis: PJKM 'laku', 2.2 tan minyak masak peket terjual

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# Jelajah AKM Perlis: PJKM 'laku', 2.2 tan minyak masak peket terjual

**KANGAR:** Lebih 2.2 tan minyak masak peket terjual pada Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) bersempena program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) Perlis dalam masa hanya dua hari sejak Jumaat lepas.

Program itu yang memasuki hari ketiga semalam dan masih dikunjungi orang ramai, menawarkan barang keperluan dengan harga lebih murah, termasuk minyak masak peket yang dijual pada harga 20 peratus lebih rendah daripada pasaran.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perlis Norazah Jaapar berkata, selain minyak masak peket, barangan lain yang habis dijual di khemah KPDNHEP pada hari per-

tama dan kedua program berkenaan ialah telur ayam gred B.

"Memandangkan ini hari ketiga (terakhir), bermula 3 petang kita ada acara istimewa untuk semua pengunjung iaitu barangan yang ditawarkan itu akan menjadi lebih rendah," katanya kepada Bernama di sini semalam.

Menurut Norazah, empat khemah yang dibuka untuk PJKM kali ini terdiri daripada KPDNHEP, Suruhanjaya Koperasi Malaysia melibatkan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad; Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang beriaung dibawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan; dan MyGrocer@Wilayah daripada Kementerian Wilayah Persekutuan.

Beliau berkata, tiada nilai

jualan khusus yang ditetapkan kerana sasaran utama adalah membantu golongan B40 mendapatkan barangan keperluan dengan harga lebih rendah.

Antara barangan dijual di khemah PJKM KPDNHEP dengan harga RM2 setiap barangan ialah ikan bilis peket 150 gram (g), kicap 420g, sos cili botol 400g dan kopi peket 130g.

Norazah berkata, PJKM akan diteruskan di Perlis dan paling terdekat adalah pada Khamis ini di Taman Beseri Indah bermula jam 2 petang hingga 6 petang.

Sementara itu, penjawat awam Muizzuddin Naim Yazid, 25, yang berasal dari Kedah mengakui harga barangan yang dijual di sini jauh lebih murah dari kedai.

Turut bersetuju, pesara

kerajaan Norma Lah, 63, yang mahu pengajuran program seumpama itu dilanjutkan kerana banyak membantu masyarakat mendapatkan barang keperluan dengan harga lebih rendah di pasaran, terutama melibatkau golongan B40.

Jelajah AKM merupakan kesinambungan kejayaan dan sambutan memberangsangkan Program 100 Hari AKM di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada Disember tahun lepas dengan objektif memastikan rakyat di semua peringkat memahami serta menghayati aspirasi Keluarga Malaysia.

Perlis menjadi destinasi ketiga AKM yang berlangsung di Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra bermula 25 Mac hinggasemalam. — Bernama



28 MAR, 2022

## Jelajah AKM Perlis: PJKM `laku`, 2.2 tan minyak masak peket terjual

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KANGAR: Lebih 2.2 tan minyak masak peket terjual pada Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) bersempena program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) Perlis dalam masa hanya dua hari sejak Jumaat lepas. Program itu yang memasuki hari ketiga semalam dan masih dikunjungi orang ramai, menawarkan barang keperluan dengan harga lebih murah, termasuk minyak masak peket yang dijual pada harga 20 peratus lebih rendah daripada pasaran.

26/3/2022

SINAR  
HARIANNEGERI  
SEMBILAN

33



Bakri (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan kit ujian sendiri dan pelitup muka kepada pihak pengurusan sekolah di sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Klawang, Jelebu pada Ahad.

## Pasar tani FAMA tetap jadi pilihan ramai beli barang keperluan

**JELEBU** - Pasar tani dikendalikan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Negeri Sembilan tetap menjadi tumpuan orang ramai bagi mendapatkan barang keperluan.

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir berkata, tahun lalu nilai jualan usahawan berjumlah hampir RM14 juta direkodkan.

Beliau berkata, ia menunjukkan peningkatan berbanding jualan pada tahun 2020 yang berjumlah hampir RM13.5 juta.

"Ketika ini terdapat 16 pasar tani FAMA beroperasi di seluruh negeri dengan 553 usahawan menjalankan pelbagai aktiviti perniagaan.

"Pasar Tani Batu Kikir, Paroi Jaya dan Ampangan di Seremban antara tiga pasar tani yang merekodkan jualan tertinggi pada tahun lalu," katanya selepas menyerahkan sumbangan kit ujian sendiri Covid-19 dan pelitup muka kepada empat sekolah di sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Klawang pada Ahad.

Bakri berkata, pada tahun lalu, Pasar Tani Batu Kikir yang mempunyai 101 usahawan mencatatkan jualan berjumlah RM2.17 juta, selain Paroi Jaya (RM2.12 juta) membabitkan 97 usahawan dan Ampangan (RM2 juta) daripada 76 usahawan.

Dalam perkembangan lain, Bakri yang juga Ahli Dewan

Undangan Negeri (ADUN) Klawang berkata, tiga sekolah menengah dan sebuah sekolah rendah menerima sumbangan kit ujian sendiri dan pelitup muka.

"Setiap sekolah menerima 100 kotak kit ujian sendiri dan 300 keping pelitup muka bagi kegunaan pelajar dan guru.

"Sumbangan pelitup muka di harap membantu pihak sekolah dalam mencegah penularan virus, manakala kit ujian sendiri dapat digunakan bagi melakukan ujian pantas ke atas mereka yang disyaki sebelum pihak sekolah membuat tindakan selanjutnya," ujarnya.



## 2.2 tan minyak masak paket terjual dalam dua hari

**KANGAR** - Lebih 2.2 tan minyak masak paket terjual pada Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) bersempena program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) Perlis dalam masa dua hari sejak Jumaat lepas.

Program selama tiga hari itu menawarkan barang keperluan dengan harga lebih murah, termasuk minyak masak paket yang dijual pada harga 20 peratus lebih rendah daripada pasaran.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perlis, Norazah Jaapar berkata, selain minyak masak paket, barangan lain yang habis dijual pada hari pertama dan kedua program berkenaan ialah telur ayam gred B.

"Empat khemah yang dibuka terdiri daripada KPDNHEP, Suruhanjaya Koperasi Malaysia melibatkan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad; Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) yang beranggotakan di bawah Kementerian

**JELAJAH  
AKM PERLIS**

Pertanian dan Industri Makanan; dan MyGrocer@Wilayah daripada

Kementerian Wilayah Persekutuan.

"Tiada nilai jualan khusus ditetapkan kerana sasaran utama adalah membantu golongan B40 mendapatkan barangan keperluan dengan harga lebih rendah," katanya ketika ditemui di sini pada Ahad.

Norazah berkata, PJKM akan diteruskan di Perlis dan paling terdekat adalah pada Khamis ini di Taman Beseri Indah bermula jam 2 petang hingga 6 petang.

Jelajah AKM merupakan kesinambungan kejayaan dan sambutan memberangsangkan Program 100 Hari AKM di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada Disember tahun lepas dengan objektif memastikan rakyat di semua peringkat memahami serta menghayati aspirasi Keluarga Malaysia.

Perlis menjadi destinasi ketiga AKM yang berlangsung di Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra bermula 25 Mac hingga Ahad. - *Bernama*



Geral menjual minyak masak paket mendapat sambutan orang ramai.

## Lebih 2.2 tan minyak masak paket dijual dalam masa 2 hari

Kangar: Lebih 2.2 tan minyak masak paket terjual pada Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) sempena program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) Perlis dalam masa dua hari sejak Jumaat lalu.

Program hari ketiga semalam dan masih dikunjungi ramai, menawarkan barang keperluan dengan harga lebih murah, termasuk minyak masak paket yang dijual 20 peratus lebih rendah berbanding pasaran.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perlis, Norazah Jaapar, berkata barangan lain yang habis dijual di khemah KPDNHEP pada hari pertama dan kedua program berkenaan ialah telur ayam gred B.

"Oleh kerana ini hari ketiga (terakhir), bermula 3 petang kita ada acara istimewa untuk semua pengunjung iaitu harga yang ditawarkan itu akan menjadi lebih rendah," katanya kepada BERNAMA di sini, semalam.

Norazah berkata, empat khemah yang dibuka untuk PJKM kali ini adalah KPDNHEP, Suruhanjaya Koperasi Malaysia membabitkan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad; Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang ber-naung di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan; dan MyGrocer@Wilayah daripada Kementerian Wilayah Persekutuan.

Beliau berkata, tiada nilai jualan khusus yang ditetapkan kerana sasaran utama adalah membantu golongan B40 mendapatkan barangan keperluan pada harga lebih rendah.

Antara barangan dijual di khemah PJKM KPDNHEP dengan harga RM2 setiap barangan ialah ikan bilis paket 150 gram (g), kicap 420 g, sos cili botol 400 g dan kopi paket 130 g.

Norazah berkata, PJKM akan diteruskan di Perlis dan paling terdekat adalah pada Khamis ini di Taman Beseri Indah bermula jam 2 petang hingga 6 petang.

Jelajah AKM adalah kesinambungan kejayaan dan sambutan memberangsangkan Program 100 Hari AKM di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada Disember tahun lalu, dengan objektif memastikan rakyat di semua peringkat memahami serta menghayati aspirasi Keluarga Malaysia.

Perlis menjadi destinasi ketiga AKM yang berlangsung di Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra bermula 25 Mac hingga semalam. **BERNAMA**

28/3/2022

SINAR  
HARIANNEGERI  
PAHANG

30

# Karnival Usahawan Desa skala besar berlangsung Jun

Bantu ketengah  
produk usahawan  
desa serta tangani  
kos kenaikan  
harga barangan

Oleh ROSILAWATI ROSEDI

LIPIS

**K**ementerian  
Pembangunan Luar  
Bandar (KPLP)  
akan mengetengahkan  
produk-produk usahawan  
desa menerusi Karnival  
Usahawan Desa yang akan di-  
laksanakan pada Jun depan.

Timbalan Menteri I  
Pembangunan Luar Bandar,  
Datuk Seri Abdul Rahman  
Mohamad berkata, ia bertujuan  
kementerian juga telah melahir-  
kan ramai usahawan desa selain  
sebagai salah satu usaha peng-  
libatan kementerian dalam  
membantu rakyat yang ber-  
depan kos kenaikan harga  
barangan.

Menurutnya, kementerian  
merancang karnival tersebut da-

lam skala lebih besar dan meriah.  
"Saya juga secara asasnya  
telah merancang bersama ke-  
menterian untuk menganjurkan  
karnival ini selepas Aidilfitri  
dalam skala lebih besar dan  
lama, mungkin dalam tempoh  
hingga empat hari.

"Kita juga boleh bekerjasama  
dengan Kementerian  
Perdagangan Dalam Negeri dan  
Hal Ehwal Pengguna  
(KPDNHEP) dan pihak-pihak  
lain untuk bersama dalam pro-  
gram tersebut nanti," katanya  
kepada *Sinar Harian* pada Sabtu.

Beliau yang juga Ahli  
Parlimen Lipis ditemui selepas  
merasmikan Jualan Keluarga  
Malaysia anjuran KPDHEP ber-  
hampiran Dewan Jubli Perak di  
sini yang berlangsung selama  
dua hari bermula Sabtu.

Hadir sama, Penolong  
Pegawai Penguatkuasa  
KPDNHEP Cawangan Jerantut/



Abdul Rahman (tengah) beramah mesra dengan penonton sempena perlawanan  
stadia Kejujutan Bola Sepak Sembilan Sebelah Tertutup Parlimen Lipis di padang  
Dataran Orang Kaya Haji Lipis pada Sabtu.

Lipis, Suhaimi Othman.

Abdul Rahman berkata,  
penganjuran karnival jualan  
Keluarga Malaysia sebagai salah

mengucapkan terima kasih ke-  
pada pihak Lembaga Pemasaran  
Pertanian Persekutuan (Fama)  
yang membantu membawa pro-  
duk dari kampung-kampung ke  
jualan ini," ujarnya lagi.

Sementara itu, pada hari  
sama, Abdul Rahman turut me-  
nyempurnakan perasmian pe-  
nutupan Kejujutan Bola Sepak  
Sembilan Sebelah Tertutup  
Parlimen Lipis di Padang  
Dataran Orang Kaya Haji di sini.

Beliau meluangkan masa  
menonton perlawanan akhir  
yang menyaksikan Balik Gua  
FC melancarkan kemenangan ke-  
atas Benta X Fayyadh FC, 5-4  
menerusi sepakan penalti se-  
lepas terikat tanpa jaringan  
hingga tamat permainan.

Juara membawa pulang pia-  
la kejujutan dan hadiah wang  
tunai RM3,000 manakala naib  
juara bersama piala dan  
RM1,500.

satu usaha kerajaan yang diada-  
kan di seluruh Parlimen di ne-  
gara ini.

"Selain itu, kita juga ingin

# Zon kekal pengeluaran ayam jamin bekalan tak terjejas

**Kuala Lumpur:** Cadangan mewujudkan zon kekal pengeluaran ayam dilihat sebagai langkah baik bagi memastikan sekuriti rantaian bekalan makanan itu terjamin setiap masa tanpa dipengaruhi mana-mana situasi. Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penernak Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffrey Ng, berkata langkah itu akan menyaksikan keseluruhan proses pengeluaran ayam diselaras di bawah satu bumbung, sekali gus dapat membekalkan ternakan mengikut keperluan dan permintaan rakyat negara ini.

Katanya, isu harga ayam menjadi topik hangat kerana pengeluaran kurang dengan satu daripada punca-punca disebabkan harga makanan ternakan berkenaan seperti jagung dan gandum naik berkali ganda sehingga kerajaan terpaksa mengimport dari luar.

"Jadi, dengan membangunkan zon kekal ini, asalkan ia dapat menjamin bekalan mencukupi dan harganya tidak membahayakan rakyat, itu memang menjadi hasrat kami.

"Paling penting kita perlu cari jalan yang adil bagaimana pas-

ada mana-mana kelemahan, kita bantu perbetulkan dan perbaiki supaya keadaan menjadi lebih baik," katanya.

Mengulas cadangan Penyarah Jabatan Perniagaan Ternak dan Ekonomi Biosumber, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr M Nasir Shamsudin supaya Malaysia mewujudkan zon kekal pengeluaran ayam, Jeffrey berkata, kerajaan juga perlu memberi perhatian kepada semua makanan supaya bekalan terjamin setiap masa.

"Kita perlu waktakan tempat untuk menghasilkan makanan

secara kekal bukan hanya ayam. "Jika tiada tindakan dari sebarang, kita bimbang suatu hari nanti, rakyat tidak cukup makan dan terpaksa bergantung kepada import, sekali gus harganya akan membebankan kita," katanya.

Pada sidang media baru-baru ini, Dr M Nasir mengemukakan langkah penyelesaian bagi mengatasi isu ayam di Malaysia dengan kewujudan zon kekal pengeluaran ayam bermula dari proses penternakan, penyembelihan dan pemprosesan di bawah satu bumbung sebelum diedarkan kepada pengguna.



tikan semua orang dalam rantaian industri ini dapat jana pendapatan tanpa disekat.

"Bagi saya, setiap pihak ada peranan penting dalam proses pengeluaran ayam. Lebih elok jika



Izham (depan) melihat hasil tangkapan pemancing semasa mengadakan lawatan di Kelong Paradise Sabak Bernam pada Ahad.

# Projek tebatan banjir bantu krisis air Selangor

Kos RM700 juta diperuntukkan urus pembangunan Sungai Klang

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

**SABAK BERNAM**

**P**rojek tebatan banjir yang bakal dilaksanakan di Selangor dijangka dapat membantu menangani krisis bekalan air termasuk kemungkinan fenomena kemarau panjang yang dijangka melanda negara pada tahun 2025.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Ir Izham Hashim berkata, projek tebatan itu adalah penyelesaian kepada isu banjir dan pengurusan sumber air di negeri ini.

“Strategi kita ialah bagaimana menguruskan banjir dan kemarau selain pengurusan sumber air disimpan sama ada di tasik, kolam atau pun terowong,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian dan Lawatan ke Kelong Paradise Sabak Bernam di sini pada Ahad.

Izham berkata, perkara itu sudah dibentangkan beliau semasa Pemukiman (*Retreat*) Exco Kerajaan Negeri Selangor di Langkawi, Kedah pada 23

Februari lalu.

Katanya, selain itu, sebanyak RM700 juta diperuntukkan bagi mendalamkan, mengukuhkan ban dan struktur Sungai Klang.

“Kita juga memerlukan terowong khas sekitar perbelanjaan RM1 bilion bagi meningkatkan aliran air di kawasan terlibat,” katanya.

Selubungan itu, jelas beliau, keseluruhan pembangunan Sungai Klang sahaja memerlukan peruntukan sebanyak RM2 bilion termasuk tempat pemprosesan rawatan air di Pulau Indah.

“Ini adalah penyelesaian secara holistik dan tempoh pelaksanaan projek terlibat mengambil masa lebih setahun,” katanya.

# Lebih 130 jalan pertanian MADA boleh diselenggara MARRIS

**ALOR SETAR:** Pertama kali dalam sejarah semua jalan pertanian Lembaga Pertanian Muda (MADA) didaftarkan sebagai jalan kampung untuk membolehkan ia diselenggara di bawah peruntukan MARRIS.

Menteri Besar, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, andai pihaknya tidak bertindak sedemikian, peluang itu hanya boleh diperolehi dalam tempoh 30 tahun lagi.

"Kerajaan negeri ambil alih dan mendaftar jalan-jalan pertanian di kawasan MADA sebagai jalan kam-

pung di bawah peruntukan pengelenggaraan jalan MARRIS.

"Kerajaan sebelum 2020 tak buat. Sekiranya saya pun tak buat. Kena tunggu 30 tahunlah pula. Jadi saya telah membuat pilihan lebih baik dari kerajaan dahulu.

"Dengan itu jalan-jalan pertanian MADA boleh dibai-ki dan diturap tar berbanding hanya ditabur batu sahaja sebelum ini," katanya ketika sesi pergulungan sempena Sidang Dun, di Wisma Darul Aman, Rabu lalu.

Justeru itu menurutnya lagi, 135 jalan pertanian

MADA terbabit layak untuk diselenggara serta diper-baiki menggunakan perun-tukan itu bermula 2020 lalu.

Ujarnya lagi, pada ta-hun 2021, MARRIS telah memperuntukan sejumlah RM243.97 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan di negeri itu melibatkan 553 jalan negeri (RM128 juta) di bawah selian Jabatan Kerja Raya (JKR), 215 jalan perbandaran (RM36.9 juta) di seluruh kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), 628 jalan kampung (RM59.6 juta) dan 286 jalan pertani-an (RM19.7 juta).